

Corak Kajian Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Sorotan antara Tahun 2010-2015

Pattern of Studies of Malaysia Graduates Employability: Review between 2010-2015

Lubna Abd Rahman¹, Wan Moharani Mohammad² & Zulkipli Md. Isa³ Hishomudin Ahmad⁴

ABSTRAK

Kebolehpasaran siswazah telah menjadi isu global kerana melibatkan isu pendidikan yang menjadi tonggak hidup masyarakat sesebuah negara. Isu ini turut diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia untuk memastikan kualiti dan mutu sistem pendidikan semasa. Justeru, usaha pelbagai pihak digembleng untuk menanganinya. Selain itu, kajian turut dilaksanakan bagi mengupas dan membahaskan isu ini. Penulisan ini cuba mengetengahkan corak kajian lepas tentang kebolehpasaran siswazah dari institut pengajian tinggi di Malaysia serta mengenal pasti isu-isu berkaitan dengannya. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpulkan melalui jadual matriks “*Systematic Literature Review*” (SLR) dengan melakukan analisis ke atas bahan-bahan literatur antara tahun 2010-2015. Data yang didapati dianalisis secara deskriptif dengan mengetengahkan objektif dan dapatan kajian bagi menghasilkan suatu gambaran yang menyeluruh berkaitan corak kajian kebolehpasaran siswazah di Malaysia dalam tempoh tersebut. Kajian mendapati bahawa terdapat dua corak kajian yang paling ketara mengenai kebolehpasaran iaitu: (1) kajian mengenai kemahiran, ciri dan nilai yang menjadi faktor kebolehpasaran siswazah, dan (2) ialah kajian mengenai persepsi dan tahap kesedaran pelajar terhadap isu kerjaya. Selain itu, didapati juga masih berlaku peningkatan jumlah kajian berkaitan kebolehpasaran yang mungkin disebabkan oleh isu pengangguran yang masih berlaku sehingga kini.

Kata kunci: corak kajian, kebolehpasaran, siswazah, Malaysia

ABSTRACT

Graduates employability has become a global issue because it involves the issue of education which is the pole in the life of society. This issue was also addressed by the Malaysian government to ensure the quality of the current education system. As such, efforts of various parties were garnered to handle it. In addition, studies were carried out to explore and debate the issue. This paper attempts to highlight the pattern of previous studies on employability of graduates from institutions of higher learning in Malaysia as well as to identify issues related to it. This study was conducted using qualitative methods. Data was collected through Systematic Literature Review matrix (SLR) by analysing the materials of the previous studies from 2000-2015 such as journal articles, conference proceedings and reports. The data which highlighted on objectives and findings of the studies were synthesized and analyzed descriptively to produce a comprehensive picture of the patterns of graduate employability

¹ Dr. Lubna Abd Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, lubna@usim.edu.my

² Wan Moharani Mohammad, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, moharani@usim.edu.my

³ Dr. Zulkipli Md Isa, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, zulkipli@usim.edu.my

⁴ Dr. Hishomudin Ahmad, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, hishomudin@usim.edu.my

studies in Malaysia within that period. The study found that there are two most significant patterns of the studies on the employability. The first is the studies on skills, features and values which could steer to graduate employability and the second is the studies on the perception and awareness of students on career issues. In addition, it is found that the number of studies related to the employability is increasing which may be caused by the issue of unemployment that still occurs up to now.

Keywords: pattern of studies, employability, graduates, Malaysia

Pendahuluan

Isu kebolehpasaran atau kebolehkerjaan siswazah di Malaysia telah mendapat perhatian umum khususnya sejak tercetusnya isu pengangguran dalam kalangan graduan. Perkara ini menimbulkan kebimbangan banyak pihak, bukan hanya siswazah sendiri, bahkan ibu bapa, masyarakat, institusi pengajian dan juga kerajaan. Justeru, pada tahun 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif bagi menangani isu kebolehpasaran ini dengan memperkenalkan satu *blueprint* iaitu *Graduate Employability Blueprint 2012-2017* (GEB) di peringkat kebangsaan. *Blueprint* ini kemudiannya diterbitkan sebagai panduan halatuju untuk membantu institusi pengajian tinggi (IPT) merangka strategi dalam melahirkan modal insan yang dapat memenuhi permintaan ekonomi sejajar dengan perubahan landskap negara.

Menurut Mohamed Khaled Nordin (2012) dalam ucapan beliau mengenai GEB, *blueprint* tersebut merangkumi tiga komponen utama yang perlu dimainkan oleh kementerian dan IPT iaitu:

Pertama: Strategi dalam memupuk sistem pendidikan yang menggalakkan pertumbuhan dalam modal insan negara. Strategi ini di bawah peranan pihak kementerian.

Kedua: Strategi dalam menyediakan tenaga kerja yang dapat memenuhi permintaan ekonomi selaras dengan perubahan ekonomi dari semasa ke semasa.

Ketiga: Strategi dalam membangunkan graduan berinsaniah untuk memastikan atribut kemahiran insaniah diterapkan dalam program-program di universiti. Komponen kedua dan ketiga dipertanggungjawabkan ke atas IPT.

Bertitik tolak dari *blueprint* tersebut, program keusahawanan dan kebolehpasaran graduan serta program pembangunan pelajar seperti yang disarankan oleh kerajaan (Utusan Online, 2012), telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak IPT khususnya bagi menyahut agenda kerajaan tersebut. Program sebegini tidak hanya terbatas di peringkat dalam negara bahkan telah diperluaskan sehingga ke peringkat antarabangsa. Usaha murni ini bertujuan untuk melengkapkan siswazah dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu yang telah digariskan, sebagai nilai tambah bagi menangani masalah pengangguran dalam kalangan lepasan universiti atau setidak-tidaknya bagi mengurangkan bilangan jumlah siswazah yang menganggur.

Di samping menjalankan program-program yang telah dinyatakan tersebut, pihak IPT turut mengambil inisiatif dengan melakukan pelbagai kajian berkaitan kebolehpasaran dalam

kalangan siswazah, untuk mengenalpasti tahap kebolehpasaran mereka. Persepsi majikan merupakan antara faktor yang diambil perhatian dalam kajian sebegini untuk mengetahui kehendak dan harapan majikan terhadap graduan universiti. Ini penting bagi memastikan graduan yang dilahirkan memenuhi tuntutan kerjaya dan menepati kualiti kerja yang ditetapkan oleh majikan.

Kajian demi kajian telah dijalankan oleh para penyelidik dari IPT awam mahu pun swasta untuk mengupas isu kebolehpasaran siswazah dari pelbagai sudut dan perspektif, bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai isu ini dan yang lebih penting lagi adalah untuk memberikan input serta cadangan ke arah menangani isu ini serta penambahbaikan dalam aspek-aspek yang berkaitan. Justeru, penulisan ini akan cuba menganalisa corak kajian-kajian tersebut untuk melihat fokus dan persoalan pokok yang telah dikupas dan dibincangkan oleh para penyelidik isu kebolehpasaran ini.

Kebolehpasaran: Isu Global

Tahap kesedaran terhadap peri pentingnya peranan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan telah meningkat di seluruh dunia. Seiring dengan itu, universiti digesa untuk menghasilkan graduan berkemahiran tinggi yang mampu menyangut cabaran semasa dan keperluan pasaran kerja yang sentiasa berubah. Dalam pada itu, perkembangan pesat IPT di peringkat global, terutamanya di Eropah, juga menimbulkan persoalan tentang kualiti graduan untuk pasaran kerja dan keupayaan mereka memenuhi kehendak majikan (Andrews, J & Higson, H, 2008).

Konsep kebolehpasaran (*employability*) memainkan peranan yang penting dalam memacu ekonomi sesebuah negara di seluruh dunia. Isu ini penting sebagai tanda aras kepada situasi pasaran kerja semasa. Oleh sebab itu, isu ini dijadikan polisi dan agenda penting pemimpin dan kerajaan untuk menggalakkan rakyatnya bekerja terutama generasi muda. Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) turut menggesa bahawa setiap negara melihat dan mengkaji semula sistem pendidikan, latihan vokasional dan polisi pasaran kerja masing-masing untuk memudahkan institusi pendidikan menuju ke arah peralihan kerjaya serta memberi kelebihan dan keutamaan kepada golongan muda dalam dunia pekerjaan (McQuaid & Lindsay, 2005).

Terlalu ramai siswazah meninggalkan alam pengajian di universiti tanpa mempunyai kemahiran, sikap dan kefahaman yang seharusnya ada untuk berjaya memasuki alam pekerjaan. Kadar pengangguran dalam kalangan mereka adalah yang tertinggi dalam negara. Walaupun ada pekerjaan yang ditawarkan, namun siswazah ini masih tidak mencapai apa yang seharusnya mereka dapat dalam pekerjaan mereka. Justeru adalah diharapkan agar institusi pendidikan dapat membekal dan menyediakan pelajar apa yang diperlukan dalam dunia pekerjaan sebenar (McCoy, 1991 dalam Gurvinder & Sharan, 2008).

Hakikatnya, isu kebolehpasaran dalam kalangan graduan telah sekian lama dibincangkan secara global di persada dunia. Dan sehingga kini, isu ini masih menjadi tumpuan tajuk perbincangan masyarakat dunia dari pelbagai sudut. Susima (2009), dalam kajiannya, mengakui bahawa isu kebolehpasaran siswazah ini bukanlah suatu isu yang baharu. Kajian tersebut menyatakan bahawa pihak pemerintah atau kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai perancangan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan agar menepati kehendak pasaran masa kini. Secara globalnya, kehendak pasaran

kerja dan permintaan majikan terhadap kemahiran siswazah dilihat berbeza antara satu negara dengan negara yang lain.

Perubahan demi perubahan dalam bidang perdagangan pula menekankan kepentingan penawaran pendidikan untuk memenuhi keperluan kebolehpasaran, bukan hanya setakat memfokuskan kepada kemahiran semata-mata tetapi juga keperluan pengalaman praktikal dalam kalangan graduan. Keperluan atau kehendak majikan dan keupayaan mahasiswa untuk meningkatkan kemahiran mereka perlu diambil perhatian. Justeru, demi meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan graduan serta kemampuan mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja yang mencabar, pelajar universiti harus terus berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan di samping mendalamai ilmu pengetahuan dalam bidang pekerjaan yang bakal diceburi (Susima, 2009). Menurut Perera, E.R.K & Perera, A.N.F (2009) kesesuaian dan kualiti program pengajian perlu ditambah baik melalui penilaian kurikulum yang menjurus kepada meningkatkan kemahiran generik serta kemahiran profesional mahasiswa dan samping memperkuuh hubungan antara institusi pengajian dengan pihak industri.

Kajian terkini yang dilakukan oleh Kesatuan Sekerja Sedunia (*ILO-International Labour Organization*) memperlihatkan peningkatan kadar pengangguran yang amat ketara dalam kalangan pemuda yang sebahagian besarnya merupakan lepasan siswazah. Kajian yang dilakukan sehingga hujung tahun 2016 menyebut bahawa hampir 71 juta golongan muda di seluruh dunia menjadi penganggur dan kadar tersebut memberikan corak konsisten dalam peningkatan kadar pengangguran saban tahun. Nisbah peratusan pengangguran yang dicatatkan pada tahun 2015 adalah pada kadar 12.9% dan meningkat kepada 13.1% pada tahun 2016. Situasi ini dijangka meningkat pada tahun 2017 dan tahun-tahun seterusnya menurut laporan bertajuk “Pekerjaan dan Isu-isu Masyarakat di Dunia : Masa depan Golongan Muda” yang diterbitkan oleh Kesatuan tersebut (Eva, 2016).

Kajian yang dilakukan oleh Odey & Gimba (2015) turut menunjukkan bahawa isu kebolehpasaran ini menjadi tajuk utama perbincangan di negara-negara Afrika khususnya Nigeria yang saban tahun didapati menghadapi masalah pengangguran, sekaligus menjadi satu cabaran getir kepada pemimpin dan masyarakat di negara tersebut. Kadar pengangguran didapati meningkat daripada 21% pada 2010 kepada 23.9% pada 2011 walaupun pertumbuhan ekonomi berada pada tahap yang memberangsangkan. Hal ini disebabkan oleh kurangnya tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dalam memenuhi kekosongan jawatan yang ada di negara tersebut (Abdul Farouk, 2009). Pemilihan bidang akademik yang sesuai dilihat lebih memainkan peranan dalam menentukan tahap kebolehpasaran berbanding dengan pencapaian akademik seseorang graduan. Bagi tujuan menangani masalah ini, Odey & Gimba (2015) mencadangkan agar kurikulum di institusi pengajian tinggi diperbaharui supaya lebih bersifat universal khususnya dalam mempersiapkan graduan dengan kriteria yang memenuhi keperluan semasa pasaran kerja.

Dalam era globalisasi masa kini, pelbagai penanda aras diletakkan bagi mengukur kualiti institusi pengajian tinggi. Salah satu penanda aras yang penting untuk mengukur kualiti sesebuah institusi pengajian tinggi di peringkat global ialah kebolehpasaran graduannya serta kemampuannya dalam memenuhi kehendak pasaran kerja (Shumilova & Cai, 2011). Justeru, didapati bahawa tajuk utama perbincangan dalam kajian secara globalnya lebih tertumpu kepada perbahasan berkaitan faktor yang menjadi penyumbang kepada isu kebolehpasaran ini serta faktor yang menjadi pemangkin kepada kebolehpasaran graduan dalam usaha untuk mendepani isu ini (Shumilova & Cai, 2011; Adeyemo et al, 2010; Nauta

et al, 2009; Perera, E.R.K & Perera, A.N.F, 2009). Di Malaysia, kajian seumpama ini turut mendapat perhatian dan ia dijalankan sebagai langkah untuk mencari jalan penyelesaian bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan atau siswazah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan prinsip matrik sorotan sistematik literatur, *Systematic Literature Review* (SLR) bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian. Teknik SLR ini dicadangkan oleh *Chochrane Collaboration* dalam kajian klinikal dan sains kesihatan (Armstrong & Waters, 2007; Qin et al., 2015), namun telah diperkembangkan dalam kajian sains sosial dan kemanusiaan (Norfarhana, Hishomudin, Norzulaili, Adawiyah, & Nik Farhan, 2016; Zamri, Zulazhan, & Kamarul Shukri, 2016). Pencarian artikel dilakukan menggunakan pengkalan data Google. Terdapat lima kata kunci, iaitu: kebolehpasaran, employability, graduan, siswazah dan Malaysia. Prinsip SLR ini membantu kajian dalam mendapatkan sejumlah literatur yang menepati objektif kajian. Tempoh kajian yang ditetapkan adalah tertumpu dari tahun 2010 hingga 2015. Daripada sejumlah 40 kajian berkaitan diperolehi, hanya 18 dokumen sahaja diterima untuk analisis kerana berkaitan dengan corak kajian yang mendominasi perbincangan dalam tempoh tersebut, iaitu: (i) kemahiran, ciri serta nilai berkaitan dengan faktor kebolehpasaran, dan (ii) persepsi dan tahap kesedaran pelajar terhadap isu kebolehpasaran. Baki 22 dokumen membincangkan kebolehpasaran bukan graduan di peringkat sarjana muda di Malaysia dan isu-isu lain yang bukan dominan. Satu analisis deskriptif dijalankan dengan memfokuskan kepada objektif kajian dan dapatan kajian untuk mengupas corak kajian yang telah dijalankan.

Analisis dan Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa terdapat dua corak utama dalam kajian lepas mengenai kebolehpasaran di Malaysia antara tahun 2010-2015, iaitu; (i) kemahiran, ciri serta nilai berkaitan dengan faktor kebolehpasaran, dan (ii) persepsi dan tahap kesedaran pelajar terhadap isu kebolehpasaran. Namun, kajian mengenai kemahiran, ciri serta nilai berkaitan dengan faktor kebolehpasaran ialah corak kajian yang paling ketara. Berikut adalah matrik sorotan bagi kedua-dua corak tersebut.

i. *Kemahiran, Ciri serta Nilai Berkaitan dengan Faktor Kebolehpasaran.*

Kebanyakan kajian mengenai kebolehpasaran di Malaysia lebih cenderung membincangkan kemahiran yang perlu ada pada seorang pelajar atau siswazah yang boleh menjadi faktor nilai tambah kepada kebolehpasaran mereka. Kecenderungan kajian sebegini mungkin berlaku kerana wujudnya kebimbangan terhadap peningkatan pengangguran dalam kalangan siswazah di negara ini. Justeru banyak kajian dijalankan untuk mengenalpasti faktor dan kehendak majikan atau pasaran kerja yang boleh membantu siswazah untuk memperolehi pekerjaan.

Antara kajian yang membincangkan perspektif kemahiran, ciri dan nilai dalam isu kebolehpasaran:

Jadual 1: Data Kajian Mengenai Kemahiran, Ciri dan Nilai

| Penulis | Tajuk | Objektif | Dapatan |
|---|---|---|--|
| Sharifah Hana Abd Rahman, et al, 2015 | Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan | Mengkaji faktor-faktor kepuasan majikan terhadap pelajar latihan industri di institut pengajian tinggi (IPT). | Tahap kepuasan majikan secara umumnya bergantung kepada empat perkara utama yang diberi tumpuan dalam kajian ini iaitu penguasaan ilmu, sahsiah dan pembawaan diri yang baik, kemahiran generik dan juga kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran bekerja secara berpasukan dan juga etika moral dan professional. |
| Mahazan, A.M., et al, 2015 | Predictors of Graduate Employability: Mediating Roles of Leadership, Ethics, and Religiosity | Investigated predictors of employability among graduates of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). | Among eight graduates' competencies and values that were hypothesised as predictors of employment: Religiosity, Teamwork, Leadership, ICT, Entrepreneurship, Communication, Critical Thinking, and Ethics, this research found leadership, ethics, and religiosity completely mediate the influence of other predictors toward employment, |
| Sahlawati Abu Bakar & Zaidul Amin Suffian Ahmad, 2015 | Keperluan Nilai Agama Dalam Kemahiran Keboleh Pasaran Dalam Kalangan Mahasiswa Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | Mengemukakan nilai agama sebagai kemahiran tambahan yang penting dalam kemahiran kebolehpasaran. | Dapatan kajian menunjukkan industri sangat menitikberatkan nilai agama serta turut menjadi faktor pemilihan pekerja yang berintegriti dan profesional. |
| Yahya Buntat, et al, 2013 | Employability Skills Element's: Difference Perspective Between Teaching staff and | To identify various elements of employability skills that are integrated into | Lima elemen kemahiran kebolehpasaran yang diintegrasikan oleh tenaga pengajar di |

| | | | |
|-----------------------------|--|--|--|
| | | Employers Industrial in the agricultural vocational education programs in Malaysia and their importance to employers in industry. | institusi latihan vokasional dalam bidang pertanian semasa proses P&P ialah saling bekerjasama, kerja berkumpulan, kejujuran, patuh arahan dan saling berinteraksi. |
| Muhammad Ismail, 2012 | Hazrul Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan | Melihat beberapa ciri kebolehpasaran utama yang dianggap penting oleh para majikan dalam proses pengambilan dan pemilihan pekerja baru. | Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya jurang antara prestasi sebenar para graduan dengan jangkaan prestasi yang diharapkan oleh para majikan yang menjadi responden kajian ini bagi semua ciri kebolehpasaran yang dikaji. Jurang perbezaan yang paling ketara adalah dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah diikuti kemahiran berfikir serta komunikasi dan interpersonal. Semua ciri kebolehpasaran yang dikaji mencatatkan jurang negatif yang bermaksud wujudnya kekurangan di dalam prestasi kerja sebenar para graduan dengan prestasi yang diharapkan oleh para majikan. |
| Nik Hairi Omar, et al, 2012 | Graduates' Employability Skills Based on Current Job Demand | In this paper, graduate employability skills were analyzed based on four major criteria: qualification, academic score, experience and specific soft skills. | It was found that 60.7 percent of the ads put requirements on first degree/professional degree as a prerequisite for job application among graduates. The findings indicated that job demand for graduates with degree alone was likely to be 37.4-56.7 percent much higher than others in diploma, certificate and Master/PhD. (see Table 1). |
| Noor Azina Ismail, 2011 | Graduates' Characteristics and Unemployment: A Study Among Malaysian Graduates | To investigate the effects of graduates' characteristics on the chance of being employed. | The employment prospects of graduates with a good command of English and who possess leadership and technical |

| | | | |
|--------------------------------|---|---|---|
| | | | skills are better when compared to those without these skills. |
| Nurita Juhdi, et al, 2010 | Factors Influencing Internal And External Employability Of Employees | The paper aimed at examining factors that influence employees' employability. Factors that were examined are formal and informal career management practices, training, job experiences, education and tenure with current job. | Formal career management practices was positively related to external employability and internal employability. Informal career management practices were found only significantly related to external employability. |
| Mohd Yusof Husain, et al, 2010 | Importance of Employability Skills from Employers' Perspective | To explore the importance of employability skills of engineering graduates through employers' perspective. | Majikan menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap kemahiran kebolehpasaran sebagai satu perkara yang mesti ada pada siswazah. |
| Hock-Eam Lim, 2010 | Predicting Low Employability Graduates: The Case Of Universiti Utara Malaysia | To develop statistical profiling models of low employability graduates. | Ethnicity, English language proficiency and type of degree are found to be the significant predictors of a graduate's employability either measured by number of days or probability of being unemployed. |

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa secara umumnya kajian-kajian lepas berkaitan kebolehpasaran banyak memberikan tumpuan kepada perbincangan mengenai kemahiran, ciri dan nilai yang perlu ada pada seseorang graduan atau siswazah. Hakikatnya, perkara ini menjadi faktor yang mempengaruhi atau menyumbang kepada kebolehpasaran graduan atau siswazah. Justeru, objektif sebahagian besar kajian-kajian tersebut menjurus kepada analisis faktor yang membolehkan seseorang siswazah mendapat pekerjaan.

Dalam hal ini, kemahiran, ciri dan nilai yang diperolehi siswazah menjadi faktor penting yang dilihat oleh majikan. Terdapat pelbagai bentuk kemahiran yang dititikberat oleh majikan bagi menepati sifat dan jenis pekerjaan yang mereka tawarkan. Antaranya ialah kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, kemahiran teknikal dan kemahiran bahasa terutamanya bahasa Inggeris. Selain itu, ilmu pengetahuan dan sahsiah diri yang positif juga termasuk dalam ciri dan nilai kebolehpasaran yang didambakan oleh pihak majikan.

Ini menjelaskan bahawa corak kajian kebolehpasaran antara tahun 2010-2015 lebih banyak menjurus kepada analisis faktor khususnya faktor kemahiran, ciri dan nilai berkaitan kebolehpasaran yang membantu seseorang siswazah mendapat pekerjaan.

ii. Persepsi dan Tahap Kesedaran Pelajar terhadap Isu Kebolehpasaran

Corak kedua berkenaan kajian mengenai persepsi dan tahap kesedaran pelajar terhadap isu kerjaya. Antara kajian di Malaysia antara tahun 2010-2015 yang menjurus kepada perbincangan isu tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 2: Data Kajian Mengenai Persepsi dan Tahap Kesedaran Pelajar

| Penulis | Tajuk | Objektif | Dapatan |
|--|---|--|---|
| Magdalene C. H. Ang, 2015 | Graduate employability awareness: a gendered perspective | This paper compares the industry ranking and student ranking on a set of skills for entry-level jobs. | The findings revealed that there are a number of skills that the student sample did not consider as critical but which are highly valued by the industry. Female students are found to be generally more informed than male students about the skills which the industry wants. |
| Erni Tanius & Suhana bt Susah, 2015 | Employability Readiness among Business' Students | The objective of this study is to identify the level of employability skill work readiness among business' students in a private higher learning institution and to determine on main employability skill they perceived they are ready. | The level of employability skill among respondent is high, they claimed ready in terms of listening skill, teamwork and collaboration also innovation skills and they fully aware of the skill areas need to improve. |
| Ummi Salwa Ahmad Bustamam, et al, 2015 | Graduate employability through entrepreneurship: A case study at USIM | To assist the university as well as the Government in intensifying efforts to encourage more students to entrepreneurship activities as their career path upon graduation. | Although they are coming from the non-business background, their attempt towards entrepreneurship activities is very high. |
| Pramela Krish, et al, 2014 | Persepsi Pelajar Prasiswa Program Pengajian Bahasa Inggeris Mengenai Kecekapan Kendiri Dalam Kemahiran Kebolehgajian Dalam Sektor Pekerjaan | Mengetahui sama ada kursus-kursus yang ditawarkan di universiti boleh melengkapkan pelajar prasiswa dengan kemampuan dan sikap yang sepatutnya untuk bersaing dalam pasaran kerja. | Pelajar prasiswa di universiti kajian mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap isu kebolehpasaran dan persaingan yang wujud dalam pasaran pekerjaan. |
| Nooriah Yusof, et al, 2013 | Persepsi Pelajar Prasiswa Terhadap Kebolehpasaran Graduan | Meneliti persepsi pelajar prasiswa terhadap isu | Pelajar prasiswa di universiti kajian mempunyai kesedaran |

| | | | | |
|--|---|---|--|--|
| | dan Persaingan dalam kebolehpasaran graduan dan persaingan yang wujud dalam pasaran pekerjaan. | yang tinggi terhadap isu kebolehpasaran dan persaingan yang wujud dalam pasaran pekerjaan. | | |
| Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa, 2011 | Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran | Mengenalpasti sejauhmanakah tahap kesedaran kerjaya (career awareness) dalam kalangan pelajar dan hubungannya dengan strategi pembelajaran bagi mencapai aspirasi kerjaya yang diingini. | | |
| Latisha Asmaak Shafie, 2010 | Employability Awareness among Malaysian Undergraduates | This study is conducted in order to determine whether employability skills can be enhanced through studying English for Occupational Purposes (EOP) among undergraduates in Malaysia. In addition, it investigates whether undergraduates are able to identify attributes employers seek. | Hubungan antara tahap kesedaran kerjaya dengan aspirasi kerjaya dalam kalangan informan ini berada di tahap yang tahap yang sederhana. Penuntut-penuntut yang terlibat dalam kajian ini mengetahui kerjaya yang ingin mereka ceburi tetapi tidak berusaha meneliti kriteria-kriteria dan merancang strategi-strategi tertentu bagi mengetahui keperluan-keperluan berkaitan berkenaan kerjaya tersebut. Implikasinya, kemahiran-kemahiran yang mereka miliki nanti lazimnya tidak mampu memperlihatkan profisiensi kemahiran penting sebagaimana yang diperlukan oleh sektor-sektor pekerjaan yang ingin diceburi. | Three major employability skills perceived by male and female students were Personal Attributes, Team Work and Self-Management. Both genders differ in four employability skills such as Technology, Learning, Initiative and enterprise and Communication. Whereas regarding Problem Solving and Team Work, there is not much difference between the genders. |

Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa antara isu yang dibincangkan dalam kajian-kajian lepas tersebut ialah tahap kesedaran dan persepsi pelajar berkaitan kebolehpasaran, antaranya kesediaan untuk menceburi alam pekerjaan seperti keusahawanan, kesedaran terhadap keperluan majikan dan kesedaran mengenai faktor penyumbang kepada kebolehpasaran. Secara keseluruhannya, didapati bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap isu kebolehpasaran ini adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar di institusi pengajian tinggi peka dengan keperluan dan permintaan pasaran kerja serta sedar akan persediaan yang perlu dilakukan untuk menangani persaingan yang wujud dalam alam pekerjaan

Selain itu, kajian mengenai persepsi pelajar terhadap keupayaan kursus yang ditawarkan di institusi turut dijalankan untuk mengetahui sama ada kursus yang dipelajari membantu mereka melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan untuk bersaing dalam pasaran kerja.

Berdasarkan kedua-dua corak kajian yang diketengahkan, tumpuan perbincangan lebih menjurus kepada usaha untuk mengenalpasti potensi diri siswazah mengikut keperluan pasaran kerja di samping mencari jalan untuk menangani cabaran dan persaingan dalam alam pekerjaan. Adalah menjadi harapan agar pelajar mahu pun siswazah institusi pengajian tinggi memahami dan peka dengan faktor-faktor kebolehpasaran yang secara umumnya mengambil kira aspek-aspek tertentu seperti penguasaan ilmu, sahsiah dan pembawaan diri yang baik, kehendak majikan, kemahiran generik serta kemahiran insaniah.

Kesimpulan dan Penutup

Kebolehpasaran ialah salah satu isu global yang diberi tumpuan dalam kajian masa kini disebabkan oleh masalah pengangguran. Kajian mengenai kebolehpasaran di Malaysia masih terus dijalankan sehingga kini. Permasalahan graduan dalam menyesuaikan atau memperlengkapkan diri dengan kehendak pasaran kerja merupakan faktor yang menarik minat ramai pengkaji untuk menganalisa isu ini. Dari aspek lain pula, keprihatinan kerajaan dalam menangani isu kebolehpasaran graduan ini adalah antara faktor yang dipercayai menyebabkan peningkatan kajian sebegini.

Kajian mengenai faktor kemahiran, ciri dan nilai berkaitan kebolehpasaran pula paling banyak dilakukan berbanding isu kebolehpasaran yang lain. Kecenderungan ke arah kajian sebegini antara lainnya ialah kerana faktor tersebut merupakan faktor yang penting dalam pemilihan pekerja oleh pihak majikan masa kini.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam era globalisasi yang penuh dengan saingan ini, pelbagai bentuk kemahiran diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab kerja. Dari sudut yang lain pula, kemahiran dalam kebolehpasaran juga merupakan satu faktor yang boleh dianalisa daripada pelbagai aspek dan klasifikasi, sekaligus memberi ruang yang cukup luas kepada para penyelidik untuk menjalankan kajian. Selain itu, kajian mengenai persepsi dan tahap kesedaran pelajar terhadap isu kebolehpasaran turut mendapat perhatian penyelidik kerana kepentingannya dalam menangani masalah ini di samping keperluannya dalam mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar berkenaan isu ini.

Hasil dapatan daripada kajian-kajian berkaitan kebolehpasaran graduan pula diperlukan antara lainnya untuk memperkemaskan lagi program yang ditawarkan bagi melahirkan siswazah yang lebih berdaya saing dalam era globalisasi masa kini. Ini sekaligus menuntut graduan untuk memperlengkapkan diri dengan pengetahuan, sahsiah, kemahiran dan pelbagai nilai tambah lain lagi yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja masa kini.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan USIM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek USIM (kod projek: PPP/USG-0215/FPBU/30/16315).

RUJUKAN

- Abdul Farouk Ahmed. 2009. The Employability og Graduates in Competitive Organisations, dalam *Business Intelligence Journal*, August 2009, Vol. 2, No. 2, p288-318.
- Andrews, J & Higson, H. 2008. Graduate Employability, ‘Soft Skills’ Versus ‘Hard Business Knowledge: A European Study. *Higher Education in Europe*, Vol. 33, No. 4, December 2008, p411-422.
- Armstrong, R., & Waters, E. (2007). Systematic reviews of health promotion and public health interventions. Melbourne: University of ..., (July), 52. Retrieved from http://homepages.ulb.ac.be/~aleveque/epitraumac/pdfppt/CochraneColl_PHAA_SRworkshop07.pdf
- Edinyang, S. D, Odey, C. & Gimba, J. 2015. Academic Factors and Graduate Employability in Nigeria, dalam *Global Journal of Human Resource Management* Vol.3, No.5, pp.9-17, September 2015.
- Eva Choufi. 2016. Al-Istikhdam wa al-Afaq al-Ijtima‘iyyah fi al-‘alam, dalam *Majallah Mujtama‘ wa Iqtisad*, Siri 297. Dicapai dari <http://www.al-akhbar.com/node/263870>
- Gurvinder Kaur, G.S & Sharan Kaur, G.S. 2008. Malaysia Graduates’ Employability Skills, dalam *UNITAR e-Journal*, Vol. 4, No. 1, January 2008, p14-44.
- McQuaid, R.W. and Lindsay, C. 2005. Concept of Employability, dalam *Urban Studies*, Vol. 42, No. 2, 197–219, February 2005.
- Mohamed Khaled Nordin. 2012. “Strategi Baharu Kebolehpasaran Graduan”. Ucapan YB. Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di Pelancaran Graduate Employability Blueprint 2012-2017 Dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) Kementerian Pengajian Tinggi, Hotel Pan Pacific KLIA 4 Disember 2012 (Selasa), 11.00 pagi. <http://www.moe.gov.my/images/teks-ucapan/3-Ucapan%20YB%20Menteri%20Pengajian%20Tinggi%20Sempena%20Pelancaran%20Graduate%20Employability%20Blueprint%202012-2017.pdf>. Dicapai 29 Mei 2017.
- Norfarhana, A. G., Hishomudin, A., Norzulaili, M. G., Adawiyah, M., & Nik Farhan, M. (2016). Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-sarjana Islam, dalam *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 4(2), 24–35. Dicapai dari <http://al-qanatir.com/index.php/journal/article/view/87>
- Qin, B., Zhou, X., Michael, K. D., Liu, Y., Whittington, C., Cohen, D., ... Xie, P. (2015). Psychotherapy for depression in children and adolescents: study protocol for a systematic review and network meta-analysis. *BMJ Open*, 5(2), e005918. <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2014-005918>
- Shumilova, Yulia & Cai, Yuzhuo. 2011. Towards Understanding The Factors Affecting the Employability of International Graduates of Finland, dalam *Prosiding International Conference on Employability of Graduates & Higher Education Management System*, Vienna. 22-23 September 2011.
- Susima Samudrika Weligamage. 2009. Graduates“ Employability Skills: Evidence from Literature Review, dalam *Sub Theme A - Enhancing Employability through Quality Assurance – ASAHL University of Kelaniya*, Sri Lanka, p115-125.
- Utusan Online, 2012. KPT wujud dua program tingkat kebolehpasaran graduan. Dicapai dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121024/dn_03/KPT-wujud-dua-program-tingkat-kebolehpasaran-graduan. Dicapai 29 Mei 2017.
- Zamri Rajab, Zulazhan Ab. Halim, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2016). Shahid Al-Quran Dalam Karya Tatabahasa Arab: Satu Sorotan Literatur Secara Sistematik, dalam *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 1(1), 18–33. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/jonus/index.php/jonus/article/view/4/12>

- Adeyemo, S.A, Ogunieye, A.O, Oke, C.O & Adenie, S.O. 2010. A Survey of Factors Determining the Employability of Science and Technology Graduates of Polytechnics and Universities in Nigerian Labour Market, dalam *Journal of Science and Technology Education Research*, Vol. 1(5), Oktober 2010, p99-106.
- Nauta, A, van Vianen, A, van der Heijden, B, van Dam, K & Willemsewn, M. 2009. Understanding the Factors that Promote Employability Orientation: The Impact of Employability Culture, Career Satisfaction and Role Breath Self-Efficacy, dalam *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 82, p233-251.
- Perera, E.R.K & Perera, A.N.F. 2009. Factors Affecting Employability of Graduates holding Non-Professional Degrees in Sri Lanka, dalam *Sub Theme C – Issues for Non-Professional Faculties – ASAHL University of Kelaniya, Sri Lanka*, p171-183.